



KHAZANAH
NASIONAL



KENYATAAN MEDIA
Kuala Lumpur, 25 Mei 2023

Khazanah buka semula Pasaran Sukuk USD dan Bon Malaysia dengan tawaran dwi-bahagian

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") berjaya menetapkan harga bagi penawaran senior dwi-bahagian (dual-tranche) bernilai USD1.5 bilion yang terdiri daripada Sukuk USD750 juta untuk jangka 5 tahun yang matang pada tahun 2028 dan bon konvensional USD750 juta untuk jangka 10 tahun yang matang pada 2033 ("Sekuriti" secara kolektif).

Terbitan itu menandakan Sukuk dan bon korporat dalam USD yang pertama bagi Khazanah daripada Program Terbitan Sukuk Pelbagai Mata Wang USD5.0 bilion yang baru ditubuhkan dan Program Nota Jangka Sederhana Euro USD10.0 bilion ("Program" secara kolektif) melalui syarikat-syarikat tujuan khas milik penuhnya, Khazanah Global Sukuk Berhad dan Khazanah Capital Ltd. ("Penerbit"). Terbitan terakhir Khazanah ialah Sukuk tidak dinilai taraf USD1.0 bilion pada 2021.

Sekuriti tersebut telah dilancarkan pada petunjuk harga awal 135 mata asas ("bps") sepanjang tempoh 5 tahun hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat ("AS") untuk Sukuk 5 tahun dan 160 bps sepanjang tempoh 10 tahun hasil Perbendaharaan AS untuk bon konvensional 10 tahun. Urus niaga tersebut mendapat permintaan tinggi dan menarik lebih 200 pelabur di merentasi Asia, Eropah dan Timur Tengah, dengan lebihan langganan lebih daripada tujuh (7) kali.

Harga langganan mencapai kemuncak pada USD12 bilion, menyebabkan Khazanah menyemak semula petunjuk harga dengan lebih ketat kepada 93bps dan 118bps, menerbitkan Sekuriti masing-masing pada 4.687% dan 4.876%.

Sekuriti tersebut bakal disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad (di bawah Rejim Pengecualian), Labuan International Financial Exchange Inc. ("LFX") dan Singapore Exchange Securities Trading Limited ("SGX-ST").

Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah berkata, "Penerimaan yang luar biasa serta meluas terhadap sukuk dan bon bernilai taraf pertama kami mencerminkan keyakinan teguh pelabur terhadap keupayaan kredit dan strategi jangka panjang kami, mengukuhkan kedudukan kami dalam pasaran modal global."

Para pelabur menerima dan memahami bahawa Khazanah adalah pelabur strategik dan dana antara generasi yang mampu mengharungi turun naik jangka pendek. Terbitan tersebut, yang dijalankan dalam keadaan pasaran yang tidak menentu, akan menjadi penanda aras untuk kredit Khazanah sementara kami meneruskan usaha pengimbangan portfolio dan pengukuhan penyata imbangan kami sebagai sebahagian daripada usaha memajukan negara."



KHAZANAH
NASIONAL



Hasil daripada penerbitan ini akan digunakan untuk pelaburan umum, pembiayaan semula pinjaman serta keperluan modal kerja Khazanah.

BofA Securities, CIMB, DBS Bank Ltd., J.P. Morgan, Maybank, MUFG, OCBC Bank bertindak sebagai Pengurus Utama Bersama dan Pengatur Bersama Penempatan.

TAMAT

For further information, please contact Sherliza Zaharudin at Tel: +603 2034 0000 or email sherliza.zaharudin@khazanah.com.my.

About Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") is the sovereign wealth fund of Malaysia entrusted to deliver sustainable value for Malaysians. In line with its long-term strategy of *Advancing Malaysia*, Khazanah aims to deliver its purpose by investing in catalytic sectors, creating value through active stewardship, increasing its global presence, as well as building capacity and vibrant communities for the benefit of Malaysians. For more information on Khazanah, visit www.khazanah.com.my.